

Pelaburan Bumiputera diutamakan

Oleh Ismail Mat **BH 30 MAY 2000**

MUAR, Isnin - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan berunding dengan pelabur di negara ini supaya memberi peluang kepada penyertaan Bumiputera dalam industri masing-masing.

Penyertaan Bumiputera memang menjadi sebahagian syarat pelaburan yang dibenarkan di negara ini tetapi kurang diberi penekanan hingga ada pihak yang mengabaikan aspek itu selepas tamat pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata mengikut Akta Penyelarasan Perindustrian, syarikat yang melabur di Malaysia dikenakan syarat ekuiti dan peluang agihan kepada Bumiputera.

"Pegawai di Kementerian saya sudah diminta berbilang mengenai perkara itu dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Selepas DEB tamat, perkara itu tidak lagi diberi perhatian walaupun syarikat terbabit masih tertakluk kepada syarat itu.

"Mengambil fahaman ini, kita nak minta kerjasama MITI untuk runding dengan syarikat yang terbabit supaya mereka secara sukarela mengagihkan peluang yang ada dari segi ekuiti atau pendedaran barangan yang dikeluarkan kepada Bumiputera," katanya.

Beliau yang juga Naib Presiden Umno dan Ketua Umno Bahagian Pagoh, memberitahu pemberita demikian selepas menghadiri Majlis tahlil dan Kesyukuran Umno Bahagian Pagoh di Lenga, malam tadi.

Muhyiddin berkata, jika

**"
Kita nak minta
kerjasama MITI
untuk runding
dengan syarikat
yang terbabit
supaya mereka
secara su karela
mengagihkan
peluang yang
ada dari segi
ekuiti atau
pengedaran
barangan yang
di keluarkan kepada
Bumiputera
,"**

rundingan itu berhasil, pihaknya mahu peluang ekuiti dan pendedaran itu disalurkan menerusi Bahagian Penyertaan Bumiputera kementeriannya yang selama ini hanya mengawasi penjualan petrol saja.

Katanya, berdasarkan jumlah yang ada, ia membabitkan ratusan syarikat beroperasi di negara ini yang terbabit dalam pelbagai industri termasuk berasaskan eksport dan pengeluaran barangan keperluan.

"Dalam tempoh 20 tahun lalu, sejak industri berkembang, peluang itu ada tetapi kita tidak memberi penekanan. Kita galakkan pelaburan tetapi selepas itu kita biarkan. Ada syarat yang sepatutnya mereka ikut tetapi kita tidak beri penekanan.

"Prospek untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera ini cukup baik tetapi ia tidak diberikan tekanan selama ini. Kita mahu mulakan usaha ini mengikut sektor yang dikenal pasti terma-

suk elektronik, perabot dan makanan," katanya.

Menurutnya, teguran Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika perhimpunan Agung Umno yang lalu, mengenai kekurangan pembabit Bumiputera dalam sektor peruncitan di negara ini, memang tepat.

"Kenyataan Dr Mahathir itu memang tepat. Ia mungkin disebabkan kurang minat atau peluang agak terbatas terhadap penyertaan Bumiputera selain beberapa faktor lain yang harus dikaji.

"Sebelum ini ada beberapa agensi kerajaan ditubuhkan sebagai penyelaras tetapi kini sudah diswastakan menyebabkan tiada tempat rujukan. Mungkin kita kena lihat balik keadaan ini," katanya.

Muhyiddin berkata, beliau berharap Bahagian Penyertaan Bumiputera kementeriannya dapat dijadikan induk dan pusat rujukan yang mana peluang untuk penyertaan Bumiputera dapat diagihkan.